

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[LANGKAWI]**

**TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)**

**DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian boleh menggunakan akta yang sedia ada bertujuan untuk memecahkan monopoli yang membebankan rakyat kerana persatuan peniaga di negara ini kebanyakannya menetapkan harga barang jualan yang sekata di seluruh negara. Ini sudah tentu tidak menggambarkan persaingan ekonomi yang sihat malah boleh dikatakan monopoli.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Isu-isu yang dikemukakan berkait rapat dengan manipulasi pasaran oleh para peniaga yang mempunyai kedudukan dominan atau menggunakan persatuannya di mana-mana peringkat rantai pembekalan atau pengedaran (*supply/distribution chain*) barang dan perkhidmatan.

Kerajaan, melalui Suruhanjaya Persaingan (MyCC) boleh mengambil tindakan tegas dengan menggunakan seksyen 4 dan/atau 10 Akta Persaingan 2010. Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 melarang mana-mana perusahaan atau syarikat yang berpakat melalui apa-apa jenis perjanjian untuk menetapkan harga, berkongsi pasaran, membataskan pengeluaran dan sebagainya. Ini terbukti melalui kes 26 Pengeluar Ais di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya dan kes Persatuan Ampunya Lori SeMalaysia atau Pan Malaysia Lorry Owners Association.

Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 melarang mana-mana perusahaan atau syarikat yang mempunyai kedudukan dominan atau mempunyai monopoli ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan menyalahgunakan kedudukan dominannya seperti pembatasan pengeluaran atau pelaburan, keengganan membekalkan sesuatu barang atau perkhidmatan tanpa sebarang justifikasi komersial dan pengikatan kontrak dengan syarat yang tidak munasabah. Ini terbukti melalui kes Megasteel Sdn Bhd dan kes Giga Shipping dan Nexus Mega Carrier.